

Kesiapsiagaan Untuk Berpindah Awal Sebelum Bencana – TPM

ZAHID HAMIDI – Deputy Prime Minister of Malaysia

October 23, 2016

By Admin

Membudayakan sikap kesiapsiagaan dalam kalangan masyarakat harus diserapkan kedalam hati dan minda supaya bersiap siaga sentiasa ada pada dalam diri kita dan ia perlu disebarakan kepada ahli keluarga dan pembudayaan ini perlu bermula daripada sekarang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Kesedaran orang ramai untuk berpindah lebih awal apabila berlaku bencana alam terutama banjir masih di tahap sederhana.

Beliau berkata penilaian itu dibuat dengan mengambil kira skala antara satu hingga 10 dan kesedaran masyarakat berada pada tahap lima.

zahidjpa2

“Namun kita memerlukan respons daripada orang ramai supaya nanti apabila ia (bencana) berlaku, kita tidak mahu orang ramai hanya menjadi penonton apabila bantuan diberikan.

“Kita perlu tingkatkan kesedaran itu dalam kalangan mangsa yang berdaftar atau tidak berdaftar. Di pihak kerajaan, kita telah menubuhkan Nadma (Agensi Pengurusan Bencana Negara) yang telah siap sedia 100 peratus dalam menghadapi apa-apa situasi bencana dalam negara,”katanya.

zahidjpa4

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2016 di Kemaman Waterfront, di sini hari ini.

zahidjpa3

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Anggota Parlimen Kemaman Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abd Karim.

Sementara itu ketika berucap, Zahid Hamidi berkata Prosedur Operasi Standard (SOP) Kemaman dalam menghadapi banjir bukan sahaja berjaya mencapai piawaian 'gold standard' di dalam negara tetapi juga telah diiktiraf di peringkat antarabangsa.

SOP Kemaman Siap Siaga iaitu satu program dalam inisiatif Komuniti Pintar Kemaman telah memenangi anugerah pada Sidang Kemuncak mengenai Masyarakat Bermaklumat (WSIS) di Geneva tahun lepas.

Dalam pada itu, timbalan perdana menteri turut memuji komitmen dimainkan semua pihak termasuk badan bukan kerajaan dan anggota keselamatan yang sentiasa berusaha mengurangkan risiko kematian dan kemusnahan semasa berlakunya bencana.

Copyright of Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/23/kesiapsiagaan-untuk-berpindah-awal-sebelum-bencana-tpm/>